

# Pembabitan siswa-siswi dalam program m'rakat beri peluang fahami adat resam, budaya

OLEH ROZZALIN HASHIM  
rozzalin@newsabahtimes.com.my

**SANDAKAN:** Penglibatan mahasiswa dan mahasiswi dalam program yang berbentuk kemasyarakatan sudah tentu memberikan peluang kepada mereka untuk memahami secara lebih dekat lagi tentang adat resam, budaya dan keadaan di sesebuah perkampungan.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Haji Aman, berkata program sedemikian bukan sahaja memberi pengalaman berguna terutama apabila mereka melangkah ke alam pekerjaan tetapi juga masyarakat setempat turut mendapat limpahan manfaat hasil daripada interaksi dengan golongan pelajar institusi tinggi itu.

Berucap merasmikan Program Jaringan Kemasyarakatan Siri II dan Karnival Kokurikulum Kampung Sungai Daling, Batu 12, dekat sini, kelmarin katanya program ini akan dilaksanakan setiap tahun sebagai salah satu projek Universiti Community Engagement (UCE) Universiti Malaysia Malaysia (UMS) iaitu salah satu daripada usaha UMS untuk menambah bakti kepada masyarakat luar bandar.

"Secara tidak langsung, pihak UMS dapat menyumbang daripada aspek pendidikan dan sosial. Melihat kepada manfaat aktiviti sebegini, saya berharap agar program ini akan dapat diteruskan oleh pihak UMS.

"Sehubungan dengan itu, saya ingin mewarangkan agar lebih banyak program-program seumpamanya diadakan pada masa akan datang bagi menyumbang kepada masyarakat di kawasan ini yang telah mengalami-alukan sepanjang program berlangsung," jelasnya.

Teks ucapanannya disampaikan oleh Pengerusi Sabah Urban Development Corporation (SUDC) Sdn Bhd Merangkap Ahli Parlimen Libaran, Datuk Juslie Ajirol.

Program selama tiga hari di Kampung Sungai Daling ini merupakan anjuran Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar UMS dengan kerjasama Jawatankuasa Kampung Sungai Daling dan Ahli Jawatankuasa Zon Libaran.

Lebih kurang 200 mahasiswa dan mahasiswi UMS dari Kota Kinabalu dan Sandakan telah berkampung di Kampung Sungai Daling sepanjang program dan antara aktiviti yang dijalankan seperti program ceramah motivasi, program anak angkat, mencantik dan memperkemasan tadika serta bergotong-royong bersama penduduk setempat.

Mengulas lanjut, Musa menghargai usaha UMS bagi mendekatkan masyarakat melalui program yang berunsurkan kemasyarakatan dan penduduk tentunya berterima kasih kerana institusi tinggi itu memilih perkampungan mereka sebagai lokasi mengadakan aktiviti tersebut.

Beliau yakin aktiviti seumpamanya ini mampu memberi impak yang besar terutamanya kepada pelajar-pelajar sekolah sekitar Kampung Sungai Daling termasuklah golongan belia dan penduduk setempat yang terlibat dengan aktiviti kemasyarakatan UMS.

"Saya juga dimaklumkan bahawa antara program yang dilaksanakan termasuk membersihkan jalan raya kampung dan kawasan masjid serta mengadakan program penyerahan anak angkat selain parmeran akademik."

"Ini sudah pasti akan memberikan maklumat yang relevan berkaitan pembelajaran ke peringkat universiti seperti syarat kemasan dan suasana pembelajaran di universiti."

"Saya juga yakin maklumat tersebut sedikit

sebanyak dapat memberi pencerahan serta suntingan semangat kepada pelajar sekolah menengah untuk berusaha lebih gigih agar mereka juga akan dapat menjajakan kaki ke menara gading apabila tiba masanya nanti," ujarnya.

Terdahulu, Naib Canselor UMS iaitu Prof. Datuk Dr. Harun Abdullah merakamkan ucap terima kasih kepada penduduk sekitar Kampung Sungai Daling di atas kerjasama dan komitmen yang diberikan bagi menjayakan program kemasyarakatan ini.

Beliau berharap pihak Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar atau PKPP akan terus memelihara hubungan ini dengan menjalankan aktiviti secara berterusan sekali gus mengerat tali silaturrahim bersama masyarakat setempat.

Katanya, UMS komited untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja hebat dari aspek akademiknya tetapi juga lengkap daripada segi kemahiran insaninya yang mana hal ini selaras dengan penekanan yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang mana seluruh IPTA perlu menerapkan nilai-nilai Kemahiran Insaniah (KI) melalui Kursus Kokurikulum Berkredit (KKB).

"Di UMS, PPKP menawarkan pelbagai kursus kokurikulum termasuklah kursus beruniform dan bukan beruniform. Melalui kursus-kursus inilah nilai kemahiran insaniah seperti disiplin kendiri, kepimpinan, etika, kebolehan berkomunikasi, pemikiran kritis dan kerja berpasukan diterapkan."

"Malahan, hasrat pihak KPM untuk mendekatkan golongan mahasiswa dan mahasiswi kepada masyarakat yang telah menggarahkan setiap IPTA untuk menjalankan aktiviti berimpak bersama masyarakat yang dikenali sebagai UCE ini."

"Program hari ini menggabungkan kedua-dua elemen penting iaitu nilai-nilai kemahiran insaniah dan sekali gus mendekatkan diri mahasiswa mahasiswi kepada masyarakat," jelas beliau yang teks ucapanannya dibacakan Pengarah PKPP, Prof. Madya Dr. Raman Nordin yang mewakili.

Tambah beliau, aktiviti UCE ini merupakan KPI bagi semua IPTA di seluruh negara dan dengan mengadakan program sedemikian rupa maka pihak universiti dapat memenuhi tanggungjawab sosialnya atau CSR.

**SORAKAN ...** Juslie (tengah) dan Dr. Raman bersama-sama keluarga angkat dan mahasiswa mahasiswi yang menjadi anak angkat merakamkan kenangan sejurus selesainya majlis itu.



SEMPURNA PELANCARAN ... Juslie menandatangani sebuah poster tanda sempurnanya perasmian Program Jaringan Masyarakat Siri II UMS di Kampung Sungai Daling itu.



PENGHARGAAN ... Juslie menyampaikan sijil penghargaan kepada keluarga angkat yang mengambil bahagian dalam program kemasyarakatan UMS selama tiga hari di Kampung Sungai Daling ini.



Dr. Raman yang mewakili Naib Canselor UMS menyampaikan cenderamata kenangan kepada Juslie di majlis itu.



LAWATAN ... Juslie yang diiringi Dr. Raman tertarik ketika mengadakan lawatan ke booth-booth pameran.

